

Mendefinisi Semula Makna Kualiti Hidup Masyarakat Bandar Dalam Konteks Ilmu Sosial

AZAHAN AWANG¹, ABDUL SAMAD HADI², JAMALUDDIN MD. JAHI¹,
ASMAH AHMAD³ & ABDUL HADI HARMAN SHAH³

ABSTRAK

Mendefinisi semula makna kualiti hidup di dalam kalangan masyarakat bandar merupakan satu sumbangan kecil terhadap ilmu sosial yang juga dapat diaplikasikan ke dalam lingkungan bidang pengurusan persekitaran di Malaysia. Kebanyakan definisi kendalian kualiti hidup kini lebih kepada penjumlahan kemudahan infrastruktur dalam persekitaran bandar. Diandaikan bahawa kemudahan yang disediakan itu baik, maka kualiti hidup juga turut baik walaupun hakikatnya perkara sedemikian merupakan satu andaian sahaja. Artikel ini menghujahkan bahawa kualiti hidup tidak mempunyai makna yang statik, walaupun dalam persekitaran yang sama. Erti kualiti hidup didefinisi oleh pengalaman penduduk di samping apa yang disediakan oleh persekitaran. Hal ini membentuk suatu 'negotiated meaning' untuk kualiti hidup. Kajian secara empirikal dilakukan di bandar Seremban bagi mendapatkan status kualiti hidup masyarakatnya. Hasil kajian diinduksi secara mendalam bagi mendapatkan makna kualiti hidup masyarakat bandar untuk diaplikasikan ke dalam bidang ilmu sosial dan pengurusan persekitaran di Malaysia. Mendefinisi semula kualiti hidup tidak bermakna definisi kendalian kualiti hidup yang digunakan masa kini tidak terpakai tetapi cara pandang, keperluan dan tujuan penghuni menjadikan ia membawa maksud yang berbeza.

ABSTRACT

Re-defining the meaning of quality of life amongst urban society is a small contribution in social knowledge that is applicable to environmental management in Malaysia. Most working definitions of quality of life are confined to the totalling up of urban environment infrastructure facilities. It is assumed that if the facilities are good, then the quality of life is also good although in reality it is a mere assumption. This article argues that quality of life is not static in its meaning, even if it is in the same environment. In reality quality of life is defined by experiences beside what is provided for by the environment. In such a case quality of life provides a negotiated meaning. An empirical study was carried out in Seremban to determine the status of quality


of life of its population. The result of the study is deeply induced to determine the meaning of quality of life of the urban population to be applied to the field of social knowledge and environmental management in Malaysia. Re-defining quality of life does not mean the present working definition is not utilised, but resident's perception, needs and objectives makes the definition of quality of life to carry a different meaning.

PENGENALAN

Salah satu permasalahan utama dalam perbincangan tentang kualiti hidup ialah apakah rangkaian kualiti hidup yang dapat membentuk kehidupan yang diinginkan di kawasan bandar (Azahan Awang 2006). Secara umumnya, terdapat kelaziman untuk mengaitkan kualiti hidup dengan infrastruktur sosial dan fizikal yang tersedia di bandar. Pendekatan sebegini melihat penduduk sebagai penerima pasif kualiti hidup yang baik buruknya ditentukan oleh apa yang telah disediakan di kawasan bandar. Diandaikan bahawa sekiranya apa yang tersedia oleh pentadbiran bandar itu baik maka tentunya kualiti hidup itu juga baik. Namun ternyata bahawa infrastruktur yang disediakan memberi kesan yang berbeza. Kajian ini menghujahkan bahawa apa yang terangkai sebagai kualiti hidup itu berkait rapat dengan tiga komponen yang menghubungkan penduduk dengan pelbagai aspek utama persekitarannya iaitu kesediaan diri, persekitaran bandar dan ketersampaian atau akses kepada persekitaran yang disediakan di bandar.

TUJUAN KAJIAN

Artikel ini melihat sejauh mana persekitaran bandar mempengaruhi status kualiti hidup masyarakatnya ataupun apakah terdapat komponen lain. Dalam ilmu sosial, persoalan yang cuba diselesaikan adalah apakah definisi kualiti hidup berasaskan kepada apa yang terdapat di bandar (struktur) semata-mata telah menggambarkan kualiti hidup di bandar, wahal kualiti hidup juga melibatkan pandangan atau persepsi masyarakat terhadap persekitarannya. Justeru, kajian ini cuba membuktikan bahawa individu yang membentuk masyarakat di kawasan bandar merupakan agen yang memainkan peranan penting kepada penilaian status kualiti hidup di bandar. Perkara ini adalah sesuai dengan hujah yang dibawa bahawa kualiti hidup bukan hanya merupakan ukuran terhadap persekitaran yang ada, tetapi juga perlu menilai aspek kesediaan diri



Rajah 1. Komponen, penunjuk dan subpenunjuk kualiti hidup masyarakat bandar

masyarakat bandar dan akses terhadap persekitaran yang disediakan dalam persekitaran bandar.

Bagi menyelesaikan kecelaruan makna kualiti hidup dalam konteks masyarakat bandar di Malaysia, beberapa perkara dikaji iaitu;

- ❖ Menganalisis status kualiti hidup masyarakat bandar berdasarkan kepada tiga komponen utama iaitu kesediaan diri, persekitaran bandar dan akses bandar.
- ❖ Menjelaskan status kualiti hidup masyarakat dalam rangka pembangunan bandar.
- ❖ Menilai semula makna kualiti hidup masyarakat bandar dalam memantapkan lagi bidang ilmu sosial dan pengurusan persekitaran.

KAEDAH DAN KAWASAN KAJIAN


Kajian melibatkan analisis tiga komponen kualiti hidup yang dibentuk iaitu persekitaran bandar, kesediaan diri dan akses masyarakat bandar terhadap persekitarannya. Komponen ini berasaskan kepada sepuluh penunjuk kualiti hidup yang telah dikemukakan oleh Unit Perancang Ekonomi (1999). Rajah 1 menunjuk subpenunjuk, penunjuk dan komponen kualiti hidup yang dikaji.

Bagi menjawab hujah yang telah ditimbulkan, bandar Seremban telah dipilih sebagai kawasan kajian. Bagaimanapun, skop kajian hanya di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Seremban (MPS) (Rajah 2). Pemilihan bandar Seremban adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria seperti lokasinya yang berada di pinggir Lembah Klang, dasar dan perancangan serta proses pembangunan bandar Seremban menuju status bandaraya menjelang tahun 2010.


HASIL KAJIAN

Rajah 3 menunjukkan aspek kesediaan diri masyarakat bandar Seremban mendapat skor yang tertinggi (68.7%) berbanding dengan komponen persekitaran (64.2%) dan akses bandar (60.0%) apabila status kualiti hidup kesemua jenis rumah dianalisis secara purata. Hal ini memberi makna bahawa kekuatan bandar pertengahan seperti Seremban terletak kepada penduduknya. Kesediaan diri yang baik membolehkan perubahan pada persekitaran bandar diterima oleh penduduknya. Di samping itu, status kualiti hidup masyarakat bandar Seremban didapati seragam, walaupun berlatar belakang status sosio ekonomi yang berbeza


berasaskan kepada pengkelasan jenis rumah. Di sini, persekitaran tidak memberi makna yang jelas terhadap penilaian kualiti hidup kerana status kualiti hidup bagi masyarakat bandar yang mendiami kawasan perumahan kos sederhana dan petempatan setinggian juga menunjuk kualiti hidup yang baik. Justeru, penilaian kualiti hidup tidak harus berdasarkan kepada persekitaran semata-mata. Rajah 4 menunjukkan perbandingan status kualiti hidup berdasarkan kepada persekitaran dengan gabungan kepada tiga komponen kualiti hidup. Perbandingan ini menunjukkan secara purata, status kualiti hidup yang hanya berasaskan kepada komponen persekitaran semata-mata memperlihatkan status yang lebih baik berbanding dengan status kualiti hidup berdasarkan tiga komponen. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa aspek kesediaan diri dan akses bandar juga penting terhadap status kualiti hidup masyarakat bandar.



Rajah 2. Kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Seremban
Sumber: MPS 2001



Rajah 3. Status kualiti hidup dalam konteks kesediaan diri, persekitaran bandar dan akses bandar



Rajah 4. Perbezaan penilaian kualiti hidup berdasarkan persekitaran dengan tiga komponen

Hasil yang berbeza terhadap nilai status kualiti hidup yang diperolehi ini memerlukan pendekatan baru dalam menilai status kualiti hidup masyarakat bandar terutamanya di dalam bidang ilmu sosial. Harus ada pendefinisian semula makna kualiti hidup supaya kualiti hidup difahami dalam konteks yang lebih luas.

MENDEFINISI SEMULA MAKNA KUALITI HIDUP

Satu pernyataan yang menjadi teras kepada artikel ini ialah rangkaian kualiti hidup yang membentuk kehidupan yang diingini di kawasan bandar berkait rapat dengan tiga komponen utama (kesediaan diri, persekitaran dan akses bandar) yang telah menghubungkan penduduk dengan pelbagai aspek persekitaran bandar. Pernyataan ini membawa kepada keperluan terhadap penilaian semula makna kualiti hidup di kawasan bandar. Definisi kendalian yang diguna pakai seringkali memberi status kualiti hidup kepada sesuatu kawasan berdasarkan kepada apa yang tersedia di kawasan tersebut (Lauer & Lauer 2004) ataupun berdasarkan kepada keperluan untuk menyelesaikan masalah (Seasore 1978; IISD 1997; Unit Perancang Ekonomi 1999, 2002). Definisi kendalian ini juga diguna pakai oleh Unit Perancang Ekonomi yang melihat dari sudut pandang pemerintah bertujuan menyediakan prasarana yang mencukupi bagi rakyat dan lebih bersifat objektif. Baik atau buruk status kualiti hidup di bandar didasari oleh kemudahan atau prasarana yang telah disediakan kepada masyarakat. Lantaran, definisi kendaliannya lebih merupakan pandangan dari atas yang terikat dengan pembentukan struktur dan merupakan corak penyelesaian masalah. Pandangan sebegini sesuai bagi pemerintah merancang dan memperkembangkan aspek-aspek persekitaran bandar ke arah yang lebih baik tetapi hanya dari segi kuantiti. Kekuatan yang ada pada pendefinisian ini adalah umum akan dapat melihat kualiti hidup secara objektif dengan jelas bagi membantu penyediaan kemudahan prasarana di kawasan bandar. Dalam konteks ini, pelbagai kemudahan asas akan disediakan tanpa mengambil kira kesediaan dan keupayaan masyarakat setempat untuk menerima kemudahan tersebut ataupun sebaliknya.

Di pihak pemerintah atau pentadbir pendekatan ini yang sering diguna pakai, bandar dipenuhi pelbagai prasarana supaya nisbah kemudahan asas dengan bilangan penduduk menjadi lebih seimbang. Berdasarkan definisi sedia ada, ia akan dapat memperlihatkan peningkatan kualiti hidup masyarakat sesuatu bandar bila didasari oleh kemudahan yang disediakan yang sentiasa bertambah dari setahun kesetahun. Cara ini hanya melihat kualiti hidup berdasarkan kepada

struktur yang ada di kawasan bandar. Justeru, ia lebih mewakili penjumlahan pada apa yang ada di persekitaran bandar. Maka dalam erti kata sebenar ia tidak mewakili individu dalam masyarakat. Definisi kendalian sedemikian lebih memberi makna kepada kualiti persekitaran bandar yang baik dan bukannya kualiti hidup masyarakat bandar. Walhal, kualiti hidup juga perlu dilihat dalam konteks individu (McMohan 2002; Mendes & Motizuki 2001) kerana ia melibatkan pandangan, nilai, suara hati ataupun kehendak (Rasmussen 1999; Murdie et al. 1992). Definisi kendalian yang ada ini dilihat belum memberi makna kualiti hidup dalam erti kata yang sebenar kerana terdapat kekurangan yang perlu diselesaikan agar definisi kualiti hidup lebih mewakili kehendak individu dalam masyarakat bandar itu sendiri. Justeru, perlu ada penambahan ataupun penyesuaian pada definisi sedia ada supaya individu yang menjadi agen kepada masyarakat dan kehidupan di bandar diambil kira dalam memberi makna terhadap kualiti hidup. Dengan ini, kualiti hidup dinilai berdasarkan kepada pandangan individu terhadap persekitaran yang ada di bandar. Pemahaman sedemikian menjadikannya lebih bermakna dalam konteks penilaian status kualiti hidup masyarakat bandar.

Bagi menambah pendekatan kepada definisi kualiti hidup yang ada, kajian ini telah menggunakan tiga komponen utama iaitu kesediaan diri, persekitaran bandar dan akses bandar untuk menilai kualiti hidup di bandar. Komponen kesediaan diri dan akses merupakan nilai tambah terhadap konsep kualiti hidup sedia ada yang hanya melihat kualiti hidup berdasarkan kepada persekitaran bandar semata-mata. Sebelum ini, konsep kualiti hidup banyak dibincangkan berasaskan kepada persekitaran bandar umpamanya ekonomi, pengangkutan dan perhubungan, sosial dan persekitaran fizikal. Oleh yang demikian, kajian ini meluaskan lagi definisi kualiti hidup yang telah digunakan sebelumnya dengan melihat kualiti hidup dari bawah. Dua komponen yang ditambah iaitu kesediaan diri penduduk bandar dan akses bandar dilihat lebih mewakili individu dalam masyarakat bandar, manakala komponen persekitaran bandar mewakili apa yang tersedia di kawasan bandar. Pemecahan aspek kualiti hidup kepada tiga komponen utama juga memudahkan aspek pengurusan dilaksanakan kerana kelemahan dan kebaikan kualiti hidup dapat dikenalpasti dan dapat dilihat dalam konteks masyarakat bandar itu sendiri dan bukan hanya berdasarkan kepada kemudahan yang disediakan.

Individu di bandar memainkan peranan yang penting mencorak dan menerima persekitaran bandar berdasarkan '*negotiated meaning*' untuk membentuk kualiti hidupnya yang tersendiri. Justeru, individu yang

membentuk masyarakat di bandar merupakan unsur penting dalam menilai status kualiti hidup di bandar (Mendes & Motizuki 2001). Malahan pengukuran kualiti hidup lebih bermakna jika proses penyediaannya dibuat berdasarkan kepada kesepakatan masyarakat mentakrif kualiti hidup dalam konteks mereka sendiri (Blair 1998).


SIGNIFIKAN PENEMUAN KAJIAN DALAM TEORI SOSIAL

Dalam teori sosial, penilaian kualiti hidup berdasarkan kepada persekitaran yang disediakan menggambarkannya dalam konteks struktur, tanpa melihat individu kepada pembentukan masyarakat sebagai agen penting yang terlibat di kawasan bandar. Dengan cara ini, memberi atau meletakkan status kualiti hidup kepada satu-satu bandar adalah mudah kerana hanya berasaskan kepada penjumlahan ciri persekitaran dan implikasi positif kepada kelangsungan kualiti hidup. Meningkatnya kemudahan yang disediakan maka meningkatlah status kualiti hidup masyarakatnya.

Kecenderungan untuk membandingkan kawasan bandar dengan kawasan luar bandar juga menampakkan kawasan bandar menyediakan kualiti hidup yang lebih baik. Bagaimanapun, timbul kekeliruan dalam penilaian ini kerana tidak semestinya kemudahan yang lengkap di bandar dapat membawa kepada kualiti hidup yang baik kepada masyarakatnya. Begitu juga kawasan terpinggir di bandar, seperti di kawasan petempatan setinggan tidak bermakna ia tidak menikmati kualiti hidup yang baik. Mereka telah memberi makna yang berbeza terhadap persekitarannya. Contohnya pencemaran alam sekitar yang telah melanggar piawaian yang ditetapkan oleh pihak berkuasa, mungkin belum lagi tercemar bagi kebanyakan penghuni kawasan petempatan setinggan bandar. Kecelaruhan yang timbul menjelaskan bahawa kualiti hidup lahir daripada individu berdasarkan kepada pengalaman, kehendak dan pandangannya terhadap persekitaran. Ini sama dengan apa yang telah dikemukakan oleh Murdie et al. (1992) apabila mereka mengusulkan pemilihan penunjuk dalam penilaian kualiti hidup di Kanada, di mana pertimbangan individu perlu jika ingin mengkaji kualiti hidup.

Hasil daripada kajian ini membawa makna yang berbeza dalam menilai status kualiti hidup masyarakat bandar. Kelangsungan kualiti hidup dilihat dalam konteks agensi iaitu individu di dalam masyarakat bandar itu sendiri. Penerimaan masyarakat terhadap persekitaran bandar tergambar melalui kesediaan diri penduduk yang tinggi. Akses yang baik juga digambarkan melalui kemampuan penduduk menggunakan kemudahan yang disediakan di kawasan bandar. Persekitaran bandar

merupakan struktur yang sedia ada di kawasan bandar dan menjadi asas kepada komponen kesediaan diri dan akses bandar yang didasari oleh agen atau individu kepada masyarakat bandar (Rajah 5). Ketiga-tiga komponen ini saling berkaitan di antara satu dengan lain, individu di bandar menggunakan persekitaran yang terdapat di bandar untuk kesediaan dirinya. Manakala pencapaiannya kepada persekitaran bandar memerlukan akses yang baik, ataupun mempunyai peluang untuk menggunakan persekitaran yang terdapat di bandar. Justeru, penilaian akses terangkum ke dalam struktur dan agensi kerana melibatkan kemudahan yang disediakan dan kemampuan atau peluang individu menggunakan persekitaran bandar. Apa yang diperolehi ini adalah serupa dengan apa yang telah disarankan oleh Raphael et al. (2001) yang menyatakan keperluan untuk penilaian kualiti hidup adalah berdasarkan kepada struktur yang terdapat dalam sesuatu komuniti dan keseimbangannya dengan keperluan manusia.



Rajah 5. Penilaian kualiti hidup dalam ilmu sosial

IMPLIKASI KAJIAN TERHADAP PENGURUSAN

Berdasarkan kepada apa yang diperolehi melalui kajian ini, ianya memberi implikasi kepada bidang pengurusan persekitaran melalui saranan atau cadangan kajian lanjutan supaya lompang ilmu yang terdapat dalam kajian ini diperkembangkan lagi pada masa akan datang. Antaranya adalah seperti berikut;

Konsep Kualiti Hidup Bandar Berteraskan Pengisian Lokal

Kajian yang dilakukan di bandar Seremban ini telah menengahkan definisi operasi kualiti hidup bandar yang dibina berasaskan penunjuk yang terpilih daripada konteks setempat. Oleh itu adalah menjadi keperluan untuk menilai semula penunjuk yang digunakan dalam mengukur status kualiti hidup di sesuatu bandar. Bagi lebih mewakili masyarakat setempat bilangan penunjuk dipilih mengikut kesesuaian tempatan. Penunjuk kualiti hidup yang ada kebanyakannya lebih untuk memenuhi keperluan atasan bagi kegunaan pentadbir kerana keperluannya yang sedemikian. Justeru, pendekatan sedemikian membawa kepada penilaian kualiti hidup yang bersifat sehalu kerana asas kepada kualiti hidup hanya melihat persekitaran yang terdapat di kawasan bandar.

Kehendak dan pengalaman setempat perlu menjadi teras kepada pembinaan penunjuk kualiti hidup di bandar. Maka pemilihan penunjuk bukan hanya dilihat kepada keperluan atasan tetapi juga keperluan dari bawah (McMohan 2002). Pihak pentadbir seharusnya sedar mengenai keperluan ini agar pembangunan mampan dapat diadaptasi ke persekitaran lokal.

Pembangunan Mampan dan Analisis Kualiti Hidup

Usaha ke arah pembangunan mampan sentiasa memerlukan adaptasi kepada keadaan setempat. Penterjemahan konseptualisasi kemampanan ini kepada kualiti hidup merupakan satu usaha adaptasi, kemampanan pembangunan tidak hanya diukur dari sudut abstrak penjimatan tenaga atau pengkelan biojisim, ia dinilai berasaskan perubahan kehidupan seharian penduduk sendiri. Harapannya ialah pendekatan mampan akan mempertingkatkan 'kualiti' kehidupan tersebut atau lebih mewakili kehendak masyarakat itu sendiri. Pendekatan ini merupakan permulaan kepada kesukaran penterjemahan konsep kepada instrumen kendalian penilaian. Di sini 'kualiti' menggambarkan sesuatu yang melampaui penjumlahan ciri persekitaran dan memberi implikasi dampak positif terhadap kelangsungan kualiti hidup masyarakat.

Analisis kualiti hidup membolehkan penilaian kemampanan pembangunan bandar bukan hanya diperolehi melalui penyediaan pelbagai prasarana kemudahan masyarakat semata-mata, lebih penting lagi mengetahui keperluan individu dalam masyarakat di bandar agar mereka memperoleh apa yang diinginkan. Penilaian sebegini merupakan satu keperluan penting dalam melihat agenda pembangunan mampan sesebuah bandar. Prinsip 8 Agenda 21 meletakkan keperluan pembangunan dalam memenuhi keperluan kualiti hidup. Justeru,

penilaian berdasarkan keperluan analisis kualiti hidup ini menjadikan pembangunan bandar mampan lebih memenuhi keperluan masyarakat setempat. Pendekatan ini memberi pilihan kepada penilaian ukuran kemampanan terutamanya apabila pembangunan bersifat lokal. Berdasarkan kepada analisis kualiti hidup ini, kemampanan pembangunan bandar bukan lagi dilihat melalui kemajuan ekonomi ataupun peningkatan prasarana di bandar, penilaian sedemikian telah menjadi kurang penting. Apa yang lebih dutamakan adalah 'keselesaian' individu yang membentuk masyarakat bandar menerimanya.

SIGNIFIKAN PENEMUAN TERHADAP PEMBANGUNAN KAWASAN BANDAR

Dalam konteks pembangunan kawasan, kajian ini telah mengenalpasti beberapa aspek yang perlu di fikirkan oleh pihak berkepentingan supaya pembangunan bandar menepati kehendak kualiti hidup masyarakatnya. Adaptasi penilaian kualiti hidup kepada kehendak persekitaran setempat memberi ruang yang luas kepada pihak berkepentingan di bandar menilai sendiri kualiti hidup masyarakatnya. Memberi status kualiti hidup kepada penduduk bandar bukan lagi berdasarkan kepada kejayaan pihak berkuasa tempatan menyediakan kemudahan prasarana yang banyak di bandar. Penunjuk kualiti hidup perlu mengambil kira kehendak dari bawah (McMohan 2002) kerana statusnya perlu lahir daripada penduduk bandar Seremban sendiri. Data untuk menilai status kualiti hidup masyarakat bandar bukannya diperolehi daripada agensi kerajaan sahaja tetapi juga memerlukan survei terhadap penduduk bandar itu sendiri.

Perancang atau pihak berkuasa tempatan sedar bahawa pelaksanaan projek prasarana di bandar perlu mempunyai ciri budaya tempatan supaya apa yang diinginkan oleh penduduknya dipenuhi. Contohnya membina rumah kos rendah bagi mengatasi masalah setinggan perlu mengambil kira purata isirumah di bandar, agama dan budaya. Pendek kata, perlu pemahaman dipihak perancang tentang persekitaran dan budaya setempat supaya pelaksanaan pembangunan di bandar lebih bersifat budaya tempatan dan memenuhi apa yang diinginkan oleh penduduknya.

KESIMPULAN

Kajian status kualiti hidup masyarakat bandar ini telah cuba membuat satu sumbangan dalam bidang pengurusan persekitaran terutamanya dalam konteks bandar pertengahan di Malaysia. Walaupun ini satu permulaan kajian di bandar pertengahan, ia sedikit sebanyak mewakili

keadaan kehidupan di bandar tersebut. Pengukuran kualiti hidup dibuat berdasarkan pandangan daripada bawah agar lebih mewakili individu atau agen yang membentuk kehidupan di bandar. Walau bagaimanapun, masih terdapat banyak lompang ilmu yang perlu dipenuhi kerana kualiti hidup merupakan sesuatu yang subjektif kerana setiap individu mempunyai nilai dan kehendak yang berbeza-beza.

RUJUKAN

- Azahan Awang. 2006. Kualiti hidup masyarakat bandar di kawasan Majlis Perbandaran Seremban, Negeri Sembilan. Tesis Dr. Falsafah, Program Pengurusan Persekitaran, Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Blair, P.J. 1998. Quality of life and economic development policy. *Economic Development Review* 16(1): 50-54.
- IISD. 1997. *City quality of life indicator*. International Institute for Sustainable Development.
- Lauer, R.H. & Lauer, J.C. 2004. *Social problems and the quality of life*. Boston: Mc Graw Hill.
- McMohan, S.K. 2002. The development of quality of life indicators: A case study from the City of Bristol, UK. *Ecological Indicators* 2: 177-185.
- Mendes, J.F.G. & Motizuki, W.S. 2001. Urban quality of life evaluation scenarios: The case of Sao Carlos in Brazil. *CTBUH Review* 1(2): 1-11.
- MPS. 2001. *Rancangan struktur Majlis Perbandaran Seremban (pengubahan) 1998-2020*. Seremban: Majlis Perbandaran Seremban.
- Murdie, R.A., Rhyne, D. & Bates, J. 1992. *Modelling quality of life indicator in Canada: A feasibility analysis*. Ottawa: Canada Mortgage and Housing Corporation.
- Raphael, D., Renwick, R., Brown, I., Steinmentz, B., Sehdev, H. & Phillips, S. 2001. Making the links between community structure and individual well-being: community quality of life in Riverdale, Toronto, Canada. *Healthy and Place* 7: 179-196.
- Rasmussen, O.E. 1999. Putting quality of life to the test. Dlm. Lim, L.Y., Yuen, B. & Low, C. (pnyt.). *Urban quality of life: Critical issues and options*. hlm. 196-211. Singapura: NUS.
- Seashore, S.E. 1978. Indicator of the quality of working life. Dlm. UNESCO. *Indicator of environmental quality and quality of life*. hlm. 9-31. Paris: UNESCO.
- Unit Perancang Ekonomi. 1999. *Kualiti hidup Malaysia 1999*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Unit Perancang Ekonomi. 2002. *Kualiti hidup Malaysia 2002*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.

¹ *Program Pengurusan Persekitaran,
Pusat Pengajian Siswazah,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.*

² *Institute for Environment and Development (LESTARI),
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.*

³ *Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM, Bangi, Selangor, MALAYSIA.*

E-mail: azahan@pkriscc.ukm.my